

Broker saham bertaruh: PM

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri malam tadi mendedahkan perbuatan sesetengah broker saham membuat pertaruhan berikutan ter-sebarnya khabar-khabar angin kononnya beliau akan bersara.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pihak-pihak berkenaan bertaruh kononnya beliau akan bersara dengan tiga syarat, iaitu:

- Beliau tidak akan didakwa,
- Menteri Kerja Raya, Datuk S Samy Vellu, tidak disingkir daripada Kabinet, dan
- Kediaman-kediaman di Genting dan Kuala Lumpur bernilai \$24 juta diserahkan kepadanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian di majlis Penyampaian Hadiah Kewartawanan 1985 di sini sebagai mengulas laporan sebuah akhbar baru-baru ini mengenai kemungkinan beliau bersara pada 28 Ogos ini.

Laporan itu disiarkan oleh sebuah akhbar berbahasa Cina.

Sambil menganggap perbuatan itu tidak bertanggungjawab, Perdana Menteri menegaskan berita seumpama itu boleh menimbulkan ketegangan serta kegelisahan di kalangan masyarakat dan mempunyai kesan buruk terhadap suasana perniagaan.

Beliau menyifatkan perbuatan itu sebagai satu pengkhianatan terhadap ekonomi negara yang sedang menghadapi kelembapan ekonomi.

Kelmarin, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Encik Anwar Ibrahim juga menafikan laporan itu.